

SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Ogos
2005
2 ½ Jam

1103/2

JABATAN PELAJARAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TAHUN 2005

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
 2. *Jawab semua soalan*
 3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4.*
 4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang punca-punca berlakunya peningkatan permintaan dalam sektor perikanan di negara kita dan kesan-kesannya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pengeluaran ikan sedunia mungkin tidak seiring dengan pertumbuhan penduduk, satu keadaan defisit yang boleh menyebabkan bencana kepada jutaan penduduk di negara-negara membangun. Inilah antara peringatan berdasarkan hasil analisis yang dilakukan oleh WorldFish Center dan ahli ekonomi dari Institut Penyelidikan Polisi Makanan Antarabangsa. Ikan adalah sumber protein utama kepada 1/6 penduduk dunia dan menyumbang hampir 7 peratus daripada jumlah hampir keseluruhan bekalan makanan dunia. Sekiranya sumber perikanan mengalami kemerosotan dan memberi kesan kepada jaminan makanan, kandungan zat dan tahap pendapatan di negara membangun. Sumber yang semakin berkurangan juga memungkinkan harga ikan meningkat tanpa kawalan sehingga membebankan penduduk di negara-negara membangun dan miskin. Sumbangan sektor perikanan kepada jumlah ekonomi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), akan terus berkembang sekurang-kurangnya 2.1 peratus sehingga penghujung tahun ini

Masa depan sektor perikanan banyak bergantung kepada dasar negara terhadap sektor ini yang sentiasa mempunyai masa depan yang cerah kerana peranan asasnya menyediakan makanan kepada penduduk negara ini. Sungguhpun kita boleh bergantung kepada import makanan tertentu, tetapi atas dasar keselamatan negara, Malaysia wajib mengeluarkan makanan asasnya seperti padi, ubi, sayur-sayuran, ikan dan daging walaupun kos pengeluarannya tinggi berbanding dengan kos mengimport. Analisis peluang pelaburan dan pembiayaan dalam sektor perikanan tidak sempurna tanpa mengupas aspek-aspek “meningkatkan pengeluaran makanan” dan “meningkatkan produktiviti dan daya saing” sektor perikanan negara.” Beberapa penganalisa sektor perikanan berpendapat, pengeluaran ikan akan meningkat dengan kadar tahunan 0.4 peratus kurang daripada jumlah penduduk di dunia sehingga 2020. Ini menyebabkan harga ikan meningkat kepada 16 peratus dalam tempoh sebenar (selepas inflasi), dengan bergantung kepada spesies ikan tertentu mengikut permintaan. Andaian lain yang digunakan iaitu dengan mengambil kira kemerosotan (1% setahun) hasil tangkapan ikan di kawasan terbuka (kawasan tangkapan) dan perancangan untuk ikan temakan yang tiada sebarang perubahan juga menyebabkan harga ikan meningkat naik dari 26 peratus ke 70 peratus.

Ikan adalah sumber makanan yang paling cepat pertumbuhannya terutamanya di negara-negara membangun. Malahan permintaannya adalah melebihi bekalan dan masalah ini akan berterusan selagi ikan merupakan sumber protein utama. Keadaan bekalan ikan yang semakin meningkat bukan sahaja dipengaruhi pertumbuhan penduduk tetapi turut dirangsang oleh selera masyarakat dunia kepada makanan laut. Dalam tempoh kurang daripada 20 tahun, purata per kapita penggunaan ikan dunia telah meningkat hampir dua kali ganda. Menurut beberapa orang pengkaji maritim, pada tahun-tahun akan datang beberapa spesies ikan tidak akan terdapat lagi di pasar, mutu hasil tangkapan akan merosot dan konflik di dalam serta antara negara juga akan turut meningkat. Pertumbuhan pesat ini akan berlaku di kalangan negara membangun, yang mana akan bertanggungjawab menghasilkan 70 peratus daripada pengeluaran ikan sebagai makanan dunia pada 2020. Dijangka sektor perikanan akan menyumbang 65 peratus daripada pengeluaran ikan sebagai makanan. Pertumbuhan permintaan dalam negara secara tidak langsung akan menggalakkan eksport dari negara-negara membangun.

(Diubahsuaikan daripada *Masa Depan Sektor Perikanan Negara*, Dewan Ekonomi, Januari 2005)

Soalan 2 : Pemahaman**Soalan 2 (a) Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1** di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Mengapakah sumber perikanan penting dalam kehidupan manusia? [2 markah]
- (ii) Nyatakan masa depan sumber perikanan dunia. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan kenaikan harga ikan kepada penduduk di negara kita? [4 markah]

Soalan 2(b) Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

TUN PEPATIH PUTIH: Ampun Tuanku Puteri, patik membawa junjungan Duli Tuanku untuk menasihati Tuanku Puteri darihal adat menghadap ke balai penghadapan. Patik dititah Tuanku Sultan supaya mengajar Tuanku Puteri akan tatacara menghadap baginda untuk anugerah kehormat gelaran Hang kepada Tuanku Puteri. Setelah Tuanku Puteri dijelaskan segala atur cara kelak, nanti patik masih ada untuk mengiringi Tuanku Puteri bagi saat penghormatan diri Tuanku Puteri ke seluruh negara.

PUTERI HANG LI PO: (Dengan sinis) Alangkah gembiranya beta dan ayahanda beta Raja Cina nanti.

TUN PEPATIH PUTIH: Mohon ampun Tuanku Puteri, patik kurang arif akan maksud Tuanku Puteri itu.

PUTERI HANG LI PO: (Sambil memberi senyuman sinis) Ya, Orang Kaya, bukankah penghormatan itu diberi sempena keberangkatan Panglima Di Po kembali ke negeri China? Dan beta dengar ia julung-julung kali diberikan pada seorang wanita. Apakah kepahlawanan yang ada pada beta?

TUN PEPATIH PUTIH: Percayalah Tuanku Puteri bahawa penganugerahan ini sungguh sesuai dengan Tuanku Puteri yang bakal menerimanya. Tuanku Sultan dan patik sekalian sangat mengagumi ketabahan Tuanku Puteri memulai hidup di sebuah negara asing dalam segala tindak tanduknya. Tuanku Puteri bukan saja telah berjaya menyesuaikan diri malah dapat menguasai bahasa negeri ini tanpa banyak bicara. Ke Bawah Duli Tuanku Sultan berpendapat, ini adalah satu contoh kepahlawanan Tuanku Puteri menghadapi masalah hidup. Oleh itu, Tuanku Puteri, sebenarnya anugerah itu sudah sepatutnya Tuanku Puteri.

(Dipetik daripada drama *Puteri Li Po* dalam antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah kriteria yang ada pada diri Puteri Hang Li Po yang membolehkan baginda dianugerahi gelaran Hang? [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah Puteri Hang Li Po mudah menyesuaikan diri dengan suasana hidup di Melaka? [3 markah]
- (iii) Jelaskan satu nilai yang terdapat dalam petikan dan dua lagi berdasarkan drama? [3 markah]

Soalan 2(c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Telah sudah ia berkata-kata demikian lenyaplah ia.

Maka pada suatu riwayat orang tua yang berkata-kata itulah Puteri Gunung Ledang, *merupakan dirinya* seperti orang tua.

Telah itu Tun Mamat pun turunlah dari sana, kembali pada Laksamana dan Sang Setia. Maka segala kata Puteri Gunung Ledang itu semuanya dikatakannya pada Laksamana dan Sang Setia. Maka Laksamana dengan segala kawannya itu pun turunlah dari atas Gunung Ledang itu, berjalan kembali ke Melaka. Beberapa lamanya di jalan sampailah ke Malaka. Maka Laksamana dan Sang Setia dan Tun Mamat pun masuklah menghadap Sultan Mahmud, dan segala kata yang didengarnya itu semuanya dipersembahkannya kepada Sultan Mahmud.

Maka titah Sultan Mahmud, "Semuanya kehendaknya itu dapat kita adakan; mengeluarkan darah itu juga tiada dapat, kerana tiada sampai hati kita, melainkan berhentilah dahulu."

(Dipetik daripada *Sejarah Melayu*, 1977
dalam antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan makna rangkai kata *merupakan dirinya* berdasarkan petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Apakah yang dilakukan oleh Tun Mamat selepas mendengar kata-kata orang tua di Gunung Ledang? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda mengapakah Sultan Mahmud tidak mahu meneruskan hajatnya untuk memperisteri Puteri Gunung Ledang? [3 markah]

Soalan 2(d) Petikan Puisi

Baca puisi di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SEJARAH

Semuanya hadir
pada tempatnya
semuanya berlalu
pada waktunya.

Diktator dijatuhkan,
penipu diketemukan dengan tipuannya,
dan kau yang mengaku besar
juga akan tenggelam,
batu pada sungai marah,
yang menempatkan segalanya.

walaupun akan surut juga
air peristiwa,
tapi detik ini maha penting,
saat-saat ini menjadi ruang
untuk makna dan pilihan.

walaupun aku kerdil,
pada ukuran keutamaan,
namun untuk ruang dan masa ini,
untuk hidup ini
kugerakkan pernyataan
kewujudanku.

dan kau diktator
pada tempat dan akal sempit,
perancang di belakang pintu,
pemisah golongan
untuk perhambaan
mesti berdepan dengan kami,
kerana sejarah itu simpang-siur,
kita ciptakannya bersama.

Muhammad Haji Salleh
Sebuah Unggun di Tepi Danau, 1996.
Antologi Kerusi
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud rangkap keempat sajak di atas. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah peranan yang perlu dimainkan oleh setiap warganegara agar kedaulatan dan keharmonian negara dapat dipertahan? [3 markah]
- (iii) Jelaskan persoalan-persoalan yang ingin disampaikan oleh penyajak dalam sajak di atas. [4 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) *Tulis satu ayat daripada pasangan kata di bawah supaya jelas menunjukkan anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.*

- (i) ungun - unggul
- (ii) cocok - cucuk
- (iii) tampuk - tampak

[6 markah]

(b) *Tulis semula perbualan di bawah ini dalam bentuk karangan biasa dengan menggunakan cakap pindah..*

“ Irwan, mengapa kamu tidak datang ke sekolah dua hari yang lalu ?” tanya Cikgu Imawati.
“ Nenek saya sakit tenat di kampung, Cikgu. Kami sekeluarga terpaksa pulang ke kampung untuk menziarahinya, ” jawab Farhan.
“ Oh begitu! Bagaimana keadaan nenek kamu sekarang ? ” tanya Cikgu Imawati lagi.
“ Nampaknya dia semakin sihat sehingga kami pulang semalam cikgu, ” terang Irwan.
“ Semalam saya ada beri banyak nota kepada rakan-rakan kamu. Saya harap kamu dapat pinjam nota mereka dan salin semula di rumah. Nanti kamu akan ketinggalan pula, ” kata Cikgu Imawati.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat dua kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan. Kenal pasti kesalahan-kesalahan itu dan betulkan dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Peraduan menulis essei wajar diperbanyak untuk meningkat kemahiran pelajar mengungkapkan buah fikiran dalam bentuk tulisan.
- (ii) Rakyat Malaysia tunit berbangga dengan penglibatan atlit kurang upaya dalam beberapa acara yang bertanding pada Sukan Komanwel yang lalu.
- (iii) Pihak kerajaan terpaksa memperuntukan jutaan ringgit pada setiap tahun untuk menjalankan kempen anti-dadah dan membiayai pusat-pusat serenti.

[6 markah]

(d) *Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan itu dan betulkannya dengan menulis semula ayat itu tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Cerpen yang ditulis oleh saya telah memenangi tempat kedua dalam pertandingan mencipta cerpen anjuran Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu baru-baru ini.
- (ii) Hotel Damai akan membuat promosi dari masa ke semasa untuk mengajak para pelancong mengunjungi hotel mereka.
- (iii) Sesetengah pihak beranggapan yang produk kurus dapat membantu mereka menyelesaikan masalah obesiti tanpa memikirkan risikonya.

[6 markah]

(e) *Berdasarkan pernyataan yang berikut, berikan peribahasa yang paling sesuai bagi setiap situasi di bawah.*

- (i) Sebaik-baik sahaja pihak mahkamah menjatuhkan hukuman mati mandatori kerana terlibat dengan pengedaran dadah, Ghazali menitikkan air mata penyesalan atas perbuatannya itu.
- (ii) Haji Iqbal sentiasa menasihati anak bongsunya Nazliman agar menjauhi najis dadah kerana mendatangkan pelbagai kesan buruk, namun langsung tidak dihiraukan oleh anaknya itu.
- (iii) Cikgu Balqis mengingatkan anak-anak muridnya supaya tidak mudah jemu membuat latihan seperti yang diberikan oleh guru. Katanya, "sesuatu yang susah itu akan menjadi lebih mudah jika kita selalu mempraktikkannya."

[6 markah]

Soalan 4:Novel

[15 markah]

Jawab **kedua-dua** soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan daripada novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussein
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Mohamad

- (a) Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai daripada dua buah novel yang anda pelajari, nyatakan empat persoalan yang mempunyai ciri-ciri persamaan.

[7 markah]

- (b) Peranan watak-watak sampingan banyak membantu penceritaan sesebuah novel. Berdasarkan novel yang anda kaji, huraikan peranan watak sampingan yang membantu perkembangan watak utama.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT